

30/12/2000

Daya saing menurun jika abai bahasa Inggeris

TERCABARKAH nilai patriotisme kita sebagai rakyat Malaysia jika mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris? Adakah kerana menguasai bahasa Melayu tanpa memikirkan kepentingan bahasa lain, kita benar-benar seorang nasionalis. Persoalan itu kerap dimainkan oleh pihak yang mahu mengambil kesempatan demi kepentingan diri sendiri, apabila kerajaan menekankan supaya rakyat mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris. Golongan itu membuat anggapan sendiri serta mahu orang lain mempercayai dan mengiyakan pandangan mereka. Mereka menyifatkan dengan mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris akan mencabar nilai-nilai patriotisme rakyat.

Orang berpandangan cetek itu juga mencanangkan bahawa mempelajari Inggeris bermakna kurang setia dan tidak patriotik. Mereka beranggapan dengan hanya bercakap dalam bahasa Melayu, menjadikan mereka seorang nasionalis. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan jelas memberi jaminan bahawa anggapan itu tidak benar. Kerajaan mempunyai pandangan jauh apabila menekankan supaya rakyat, terutama pelajar mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris. Ketika kita menghadapi cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) dan globalisasi, penguasaan bahasa Inggeris menjadi perkara paling penting bagi membolehkan masyarakat Malaysia bersaing dalam pelbagai bidang. Dengan banyak maklumat yang ditulis dan dipertuturkan dalam bahasa Inggeris, menjadikan mereka yang tidak menguasai bahasa itu akan ketinggalan dalam mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang disalurkan melalui teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Kita perlu mengakui bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu utama dalam ICT. Bahasa Inggeris menjadi alat bagi mendapatkan ilmu dan maklumat, ia juga diiktiraf sebagai bahasa perdagangan, kewangan dan diplomatik antarabangsa.

Bahasa itu kini diiktiraf sebagai bahasa sejagat untuk Internet yang menyediakan pelbagai maklumat. Adakah kita mahu ketinggalan dalam mengejar dan bersaing dalam dunia yang memerlukan kita menguasai bahasa Inggeris. Jika jawapannya tidak, rakyat Malaysia perlu akur dan mengakui bahawa kita perlu mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris. Kita perlu sedar bagaimana hendak menepis pelbagai serangan dunia terhadap Malaysia, jika kita dapat menjelas dan membalas semula serangan itu dalam bahasa yang difahami oleh kebanyakan masyarakat dunia.

Orang yang bercakap mengenai nasionalisme ini sendiri kadangkala terlupa bahawa mereka juga perlu berbahasa Inggeris ketika menghadiri seminar atau forum antarabangsa. Mereka turut bertutur dalam bahasa Inggeris dan mahu orang lain mengabaikan bahasa itu sepenuhnya. Nasionalis bahasa ini hanya mahu rakyat bercakap bahasa Melayu dan tidak mempunyai pengetahuan lain. Kita perlu mengabaikan orang seperti ini jika mahu terus maju dalam menghadapi cabaran sengit dunia sekarang. Kita tidak harus membiarkan diri sendiri ketinggalan kerana tidak mampu menguasai bahasa Inggeris.

(END)